BERITA HARIAN, RABU, 16 SEPTEMBER, 1981

# PM minta kastam periksa barangnya

**KUALA LUMPUR,** Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta pegawai kastam di lapanganterbang memeriksa dan mentaksirkan barangnya sendiri yang dibeli di luar negeri.

Perdana Menteri memberitahu pegawai berkenaan: "Awak kiralah berapa banyak cukai yang perlu dibayar."

Datuk Seri Dr. Mahathir membeli beberapa barang cenderamata dari Sepanyol dan Belanda dan nilainya lebih kurang antara $800 hingga $900.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia